

01 SEP 1998

Ringgit-Sokong

PELBAGAI PIHAK SOKONG LANGKAH KERAJAAN STABILKAN RINGGIT

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Pelbagai pihak, yang memberi reaksi segera dengan menyambut baik usaha kerajaan untuk menstabilkan nilai ringgit dan membendung spekulasi oleh pedagang matawang, menjanjikan sokongan penuh terhadap langkah-langkah yang digariskan kerajaan.

Mereka berpendapat pengumuman oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu walaupun drastik tetapi sangat perlu bagi memulihkan keadaan ekonomi negara.

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) berpendapat langkah untuk menetapkan kadar pertukaran rasmi matawang negara memang drastik tetapi berharap ia mampu memberi kesan positif kepada ekonomi negara secara keseluruhan.

"Kita harapkan kesan positif terutama dalam usaha membawa balik ringgit yang sudah dibawa keluar dan juga menghalang duit kita dibawa keluar dan dijadikan bahan untuk spekulasi dan mengaut keuntungan oleh penyangak matawang," kata Presiden Fomca, Prof. Mohd Hamdan Adnan.

Katanya, rakyat perlu memberikan sokongan bagi menjayakan langkah itu termasuklah dengan memasukkan semua wang "yang disimpan di bawah bantal" dan tidak menandatangani hasil, ke dalam sistem kewangan negara supaya Malaysia mempunyai lebih banyak wang dalam negara untuk tujuan pembangunan.

"Rakyat yang setia kepada negara tidak perlu bimbang terhadap langkah itu," katanya.

Hamdan bagaimanapun mengingatkan kerajaan supaya memastikan langkah pemantauan yang cekap dan berkesan termasuk meneliti kesan langsung langkah itu kepada rakyat dan membanteras kemungkinan wujudnya pasaran gelap matawang seperti yang berlaku di negara-negara yang menetapkan kadar pertukaran rasmi.

Pergerakan Pemuda Umno pula berkata langkah menstabilkan ringgit itu akan memberi manfaat kepada pekilang, pelabur dan mereka yang terlibat dalam ekonomi sebenar kerana melalui cara itu mereka tidak perlu bimbang mengalami kerugian atas kenaikan atau penurunan kadar tukaran ringgit.

"Bagi rakyat, kestabilan ringgit bermaksud harga barangan pengguna akan berada di paras yang munasabah dan tidak melambung naik," kata Pengerusi Majlis Ekonomi pergerakan itu Dr Abd Rahim Md Ghouse dalam satu kenyataan.

Di PULAU PINANG Pengerusi Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia Cawangan Utara, Datuk O.K. Lee berkata, para pekilang menyokong penuh usaha kerajaan menstabilkan nilai ringgit kerana ia lebih memudahkan mereka untuk merancang perniagaan masing-masing.

Katanya, dasar kawalan spekulasi yang diumumkan hari ini lebih merupakan usaha kerajaan untuk mendapatkan gambaran yang lebih telus mengenai pergerakan ringgit.

Beliau yang meminta semua pihak memandang positif langkah kerajaan itu berkata, usahawan atau ahli perniagaan tulen tidak perlu bimbang dengan pelaksanaan kawalan itu kerana ia tidak menjejaskan mereka berbanding peniaga mata wang, yang mungkin tidak mahu kerajaan mengesan pergerakan mereka.

Presiden Dewan Perniagaan Dan Perindustrian India Cawangan Pulau Pinang, Datuk D. Markend Joshi pula berkata, walaupun sesetengah pihak menganggap langkah itu sepatutnya dilaksanakan lama dahulu, ia masih belum terlewat untuk membantu kerajaan memulihkan nilai ringgit negara.

Katanya, langkah itu baik dan boleh menghalang orang luar daripada membuat spekulasi terhadap ringgit.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) turut memuji langkah kerajaan untuk menetapkan kadar pertukaran ringgit dan menghalang perbuatan memperdagangkan ringgit di luar negara.

Presidennya, S.M. Idris berkata, langkah ini disifatkan berani walaupun ia agak luar biasa dan perlu dilaksanakan berikutan kesulitan yang dihadapi negara ekoran kewujudan manipulasi pasaran oleh para spekulator.

"Memang benar segelintir rakyat akan berasa kurang senang kerana terpaksa membawa balik wang mereka yang disimpan di negara lain tetapi ini merupakan satu pengorbanan kecil peribadi untuk membantu memulihkan ekonomi negara secara keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata, dasar kawalan itu perlu diberi peluang untuk dijayakan bagi membendung spekulasi dan membentuk asas untuk pemulihan ekonomi.

Pengurus Pentadbiran NGK Spark Plugs Malaysia Berhad, Muhammad Ismail berkata, beliau menyokong langkah kerajaan itu kerana ia sebahagian daripada usaha mewujudkan kestabilan di negara ini.

-- BERNAMA

MNY ZU